

Newspaper	Utusan Malaysia
Date	19 November 2015



JOHN KEY menghadiahkan Najib Tun Razak buku keratan akhbar dan gambar lawatan rasmi Tun Abdul Razak ke New Zealand, sempena Sidang Kemuncak Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (APEC) di Manila, Filipina, semalam. - BERNAMA

John Key beri kejutan istimewa kepada Najib UM - 19/11/2015

MANILA 18 Nov. - Perdana Menteri New Zealand, John Key memberi hadiah istimewa kepada Datuk Seri Najib Tun Razak iaitu buku keratan akhbar dan gambar bapanya, Tun Abdul Razak semasa mengadakan lawatan ke negara itu pada 1967 dan 1975.

Kedua-dua pemimpin bertemu dalam mesyuarat dua hala Malaysia-New Zealand di luar Sidang Kemuncak Pemimpin Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (APEC) Ke-23 yang bermula di sini hari ini.

Pada buku itu, Key mencoretkan "Najib, saya rasa anda akan suka rekod lawatan bapa anda ke New Zealand. Salam Ingatan, John Key PM".

Key menghadiahkan buku itu selepas tamat mesyuarat dua hala kedua-dua negara pagi ini.

"Datuk Seri Najib cukup teruja dengan buku itu, terutama meli-

hat gambar-gambar," katanya kepada pemberita Malaysia. - UTUSAN

						
SUBUH	SYURUK	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK	
	KUALA LUMPUR dan kawasan sewaktu dengannya					
5.41	7.01	1.01	4.23	6.58	8.11	
	PULAU PINANG dan kawasan sewaktu dengannya					
5.47	7.06	1.06	4.27	7.01	8.13	
	KUANTAN dan kawasan sewaktu dengannya					
5.34	6.54	12.55	4.17	6.53	8.06	
	JOHOR BAHRU dan kawasan sewaktu dengannya					
5.29	6.49	12.52	4.14	6.52	8.05	
	KUCHING dan kawasan sewaktu dengannya					
5.04	6.20	12.27	3.49	6.27	7.40	